

Tarikh Dibaca: 23 Disember 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“ZAKAT DITAATI; KEBAHAGIAAN
DINIKMATI”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad** (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. **SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. **Tuan Haji Idris Bin Ramli** (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. **Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran** (Ahli)
6. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
7. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah** (Ahli)
8. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
9. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
10. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor
11. **Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



“ZAKAT DITAATI; KEBAHAGIAAN DINIKMATI”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثِيَ
وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ
بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ¹ ﴿٩٧﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

¹ Al-Nahl ; 97



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan kepada sidang Jumaat, marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan didunia dan diakhirat.

Marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan menghayati khutbah yang bertajuk **"ZAKAT DITAATI; KEBAHAGIAAN DINIKMATI"**.

Hadirin yang berbahagia sekalian,

Kebahagiaan merupakan matlamat hidup setiap insan. Pelbagai usaha dilakukan demi mencapai ketenangan, ketenteraman dan kepuasan dalam hidup ini. Islam memandu manusia untuk beroleh kebahagiaan sesuai dengan syariat Allah SWT.

Kebahagiaan akan diperolehi apabila kita mentaati segala perintah Allah SWT termasuklah kita membantu insan lain yang dalam kesusahan seperti membayar zakat. Allah SWT akan menganugerahkan kebahagiaan dan ketenangan kepada manusia apabila mereka bersifat pemurah, prihatin dan kasih kepada orang lain.

Firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah, ayat 103;

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ



"Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (Ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha mengetahui".

Muslimin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Sesungguhnya ibadat zakat yang disyariatkan kepada manusia menjanjikan kebahagiaan kepada diri dan masyarakat, kemakmuran negeri dan negara serta kejayaan di dunia dan akhirat.

Antara kebahagiaan yang dijanjikan oleh Allah SWT ialah;

1. Berzakat akan menjadikan kita hamba yang bertaqwa. Maka dengan taqwalah, Allah SWT mengurniakan kejayaan dan kemudahan dalam hidup kita di dunia dan di akhirat seperti mana firman Allah SWT dalam Surah Al-Lail, ayat 5 hingga 11 yang bermaksud;

"Jelasnya; adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertaqwa (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya), serta ia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik, maka sesungguhnya Kami akan memberikan kemudahan untuk mendapat kesenangan (Syurga). Sebaliknya: orang yang bakhil (daripada berbuat kebajikan) dan merasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya, serta ia mendustakan perkara yang baik, maka sesungguhnya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan. Dan apakah pertolongan yang dapat diberi kepadanya oleh hartanya apabila ia telah terjerumus (ke dalam azab seksa hari akhirat)".



2. Sesungguhnya zakat merupakan pelaburan yang amat menguntungkan kita di akhirat kelak. Gandaan pahalanya bukan sahaja satu atau sepuluh tetapi tujuh ratus kali ganda banyaknya. Malah ia sebenarnya melebihi daripada apa yang mampu kita gambarkan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 yang bermaksud;

"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya".

3. Dengan berzakat, ia merupakan jalan yang disediakan oleh Allah SWT kepada kita untuk mencapai keredhaan-Nya. Disamping itu, ia menjadi tazkiyah an-nafs untuk kita tidak lalai dan leka dengan nikmat yang diperolehi. Firman Allah SWT dalam Surah An-Nur, ayat 37 dan 38 yang bermaksud;

"(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta membayar zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan. (Mereka mengerjakan semuanya itu) supaya Allah membalas mereka dengan sebaik-baik balasan bagi apa yang mereka kerjakan, dan menambahi mereka lagi dari limpah kurnia-Nya, dan sememangnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan tidak terhitung".

4. Zakat dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan kepada golongan asnaf. Disamping itu, ia



merupakan bentuk penyucian harta dan jiwa bagi insan yang menunaikannya. Bagi golongan asnaf yang menerima sumbangan zakat, mereka akan dapat meningkatkan ekonomi keluarga, seterusnya menghilangkan rasa iri hati dan dendam sesama manusia. Natijahnya, kehidupan masyarakat akan aman, bersatu-padu, kestabilan ekonomi akan wujud, kecemerlangan pendidikan dan kesatuan ummah akan menjadi mantap dan jitu.

5. Zakat berperanan untuk mengelakkan daripada berlakunya penumpuan harta di kalangan golongan tertentu sahaja dalam masyarakat. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh At-Tabrani daripada Ali R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

“Sesungguhnya Allah SWT mewajibkan (zakat) keatas orang-orang kaya dikalangan umat Islam pada harta mereka dengan batas sesuai dengan kecukupan fuqara’ antara mereka. Orang-orang fakir tidak akan kekurangan pada saat mereka lapar atau tidak berbaju kecuali kerana perilaku orang-orang kaya di antara mereka. Ingatlah bahawa Allah akan menghisab mereka dengan keras dan mengazab mereka dengan pedih”.

Hadis ini memberi peringatan kepada kita semua, khasnya kepada orang-orang kaya supaya melaksanakan kewajipan zakat sebagai memenuhi amanah menyerahkan hak fakir dan miskin yang ada di dalam harta yang dimiliki.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Untuk makluman para jemaah sekalian, bersempena dengan kempen “ZAKAT DI HATI”, sepanjang bulan Disember tahun ini, Pihak Lembaga Zakat Selangor membuka perkhidmatan di 28 cawangan selama tujuh hari



seminggu termasuk hari cuti umum bertujuan untuk memberi kemudahan kepada kita semua untuk menyelesaikan kewajipan terhadap zakat harta.

Muslimin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Sebagai kesimpulannya, khatib ingin mengingatkan kepada sidang Jumaat sekalian;

1. Umat Islam wajib mengeluarkan zakat kerana ianya sama dengan kewajipan menunaikan solat.
2. Mereka yang enggan dan menafikan kewajipan zakat boleh terkeluar daripada Islam.
3. Tunaikan zakat atas harta yang kita miliki seperti emas, wang simpanan, perniagaan, pendapatan yang diperolehi, pelaburan saham, pertanian dan penternakan demi mendapat keberkatan hidup di dunia dan di akhirat,
4. Golongan yang enggan mengeluarkan zakat akan ditimpakan azab yang amat dahsyat di akhirat nanti.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَوْمَ تَحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَىٰ بِهَا
جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كُنْتُمْ
لَأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنُزُونَ ﴿٣٥﴾

“(Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta



belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu".

(al-Tawbah : 35).

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ
شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ



سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِّ. اَللّٰهُمَّ
اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ
مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّوْا اَمِيْرَ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ فِيْ اَمْنٍ
وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ.
اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ
وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat seperti kemarau



panjang, banjir besar, wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS).

Ya Allah, peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bantulah umat-Mu Rohingya yang sedang diuji dengan ujian dan kezaliman yang amat hebat dan dahsyat, semoga engkau ya Allah menurunkan Izzah kepada saudara kami Rohingya dan menghancurkan rejim kuffar dengan tentera-tentera-Mu ya Allah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ
ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul
19.12.2016